



Tawaran adalah dibuka kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan yang disyaratkan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan di TH Travel & Services Sdn Bhd seperti maklumat berikut;

1.	EKSEKUTIF PEMASARAN & JUALAN, (BAHAGIAN PENGANGKUTAN & LOGISTIK)
-----------	---

1.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 1.1.1 Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah khususnya dalam bidang Pemasaran/Pengurusan Logistik/Rangkaian Bekalan atau yang setaraf dengannya.
- 1.1.2 Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di syarikat pengangkutan, penghantaran dan logistik atau syarikat penerbangan (bahagian kargo).
- 1.1.3 Berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 1.1.4 Sedia menerima segala arahan dari Ketua Bahagian dari masa ke semasa.
- 1.1.5 Berpengalaman berurusan dengan pelanggan, serta memperkenalkan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat.
- 1.1.6 Berpengalaman menguruskan aktiviti berkaitan dengan pemasaran dan promosi kepada pelanggan, serta menyediakan sebutharga yang bersesuaian dengan perkhidmatan yang dipohon/diperlukan.
- 1.1.7 Berpengetahuan dalam urusan yang melibatkan dokumentasi dengan pihak kastam di lapangan terbang dan pelabuhan, syarikat penerbangan dan pihak berkuasa tempatan.
- 1.1.8 Cekap dalam penggunaan program Microsoft (Word, Excel, PowerPoint, Canva dan lain-lain).
- 1.1.9 Mempunyai pengangkutan/kenderaan sendiri (kereta).
- 1.1.10 Bersedia ditukarkan ke mana-mana bahagian atau pejabat cawangan.
- 1.1.11 Bersedia untuk bekerja di dalam dan di luar negara.

2.	PERMOHONAN
-----------	-------------------

Calon-calon yang berminat boleh memohon dengan cara mengisi maklumat di pautan berikut,

<https://borang.thts.com.my/kerjaya/>

Tarikh tutup permohonan : **29 Januari 2026**